

WRIT SAMAN

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

GUAMAN SIVIL NO

2012

ANTARA

MOHD KHAIRUL AZAM BIN ABDUL AZIZ

...PLAINTIF

DAN

1. MAJLIS PEGUAM *36 Cannon Street*
2. BADAN PEGUAM *141000*
3. LIM CHEE WEE (didakwa bagi pihak semua ahli-ahli Majlis Peguam Malaysia termasuk dirinya sendiri)
4. TONY WOON YEOW THONG (didakwa bagi pihak semua ahli-ahli Majlis Peguam Malaysia termasuk dirinya sendiri) ...DEFENDAN-DEFENDAN

YANG AMAT ARIF TAN SRI ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDIN HAKIM
BESAR MALAYA ATAS NAMA DAN BAGI PIHAK SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI PERTUAN AGONG.

Kepada :

1. Majlis Peguam
No 13,15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur
2. Badan Peguam
No 13,15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

3. Lim Chee Wee

No 13,15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur.

4. Tony Woon Yeow Thong

No 13,15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur.

Kami perintahkan kamu bahawa dalam tempoh lapan hari selepas penyampaian Writ ini ke atas kamu, termasuklah hari penyampaian itu, kamu hendaklah menyebabkan kehadiran di masukkan untuk diri kamu dalam kausa atas guaman Plaintiff yang di namakan di atas dan ambil perhatian bahawa, jika kamu ingkar berbuat demikian, plaintiff boleh meneruskan untuk mendapatkan penghakiman dan pelaksanaan.

Di saksikan oleh
Kuala Lumpur pada

Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi
2012.

.....
Peguamcara Plaintiff

.....
Timbalan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Kuala Lumpur

MEMORANDUM YANG HENDAK DITURUNKAN PADA WRIT

Writ ini tidak boleh disampaikan lebih daripada enam bulan (6) kalender selepas tarikh di atas melainkan jika diperbaharui melalui Perintah Mahkamah.

Defendant (atau defendant-defendant) boleh hadir bersama dengan memasukkan kehadirannya melalui pos, dan borang-borang yang tertentu bolehlah didapati dengan menghantar Kiriman Pos berharga RM 8.00 berserta sampul surat beralamat sendiri kepada Pendaftar, Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur.

Pengindorsan Hendaklah Dibuat Pada Writ Sebelum Pengeluaran

Tuntutan Plaintiff adalah bagi:-

- i. Deklarasi bahawa Notis panggilan EGM bertarikh 4/5/12 yang di keluarkan oleh defendant-defendant adalah tidak sah dan terbatal serta bertentangan dengan Akta Profesional Undang-undang 1976;
- ii. Deklarasi bahawa Usul untuk EGM bertarikh 4/5/12 yang di keluarkan oleh defendant-defendant sebagai tidak sah dan terbatal serta bertentangan dengan Akta Profesional Undang-undang 1976 serta menjurus kepada kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948;
- iii. Deklarasi bahawa Extraordinary General Meeting of the Malaysian Bar bertarikh 11/5/12 berkenaan adalah tidak sah dan terbatal serta bertentangan dengan Akta Profesional Undang-undang 1976;
- iv. Deklarasi bahawa Usul yang di luluskan dalam EGM berkenaan adalah tidak sah dan terbatal serta bertentangan dengan Akta Profesional Undang-undang 1976 serta menjurus kepada kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948;
- v. Injuki untuk melarang Defendant-defendant secara sendiri atau melalui ejen-ejen, pekerja-perkerja, wakil-wakil atau sesiapa pun bagi pihak Defendant-defendant daripada menulis atau menyebarkan apa-apa perkara berkaitan EGM bertarikh 11/5/12 berkenaan, menerbitkan apa-apa penulisan atau artikel berkaitan EGM bertarikh 11/5/12 berkenaan seperti dalam perenggan atau artikel-artikel yang serupa atau mempunyai maksud dan kesan yang sama terhadap Plaintiff di

- dalam laman web milik Defendan Kedua dan/atau media cetak lain, media elektronik, internet atau apa-apa cara sekalipun bagi tujuan penyiaran kepada umum;
- v. Kos ;
 - vi. Lain-lain relief yang di fikirkan adil dan suaimanfaat oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

(Jika tuntutan Plaintiff hanyalah untuk hutang atau tuntutan jumlah tertentu sahaja, pengindorsan yang berikut mestilah ditambahkan di kaki tuntutan itu:)

Dan RM (atau sekian sebanyak wang sebagaimana yang dibenarkan setelah ditetapkan) untuk kos, dan juga, jika Plaintiff dapat perintah untuk penyampaian ganti, jumlah wang selanjutnya sebanyak RM (atau sekian banyak wang sebagaimana yang dibenarkan setelah ditetapkan). Jika amaun yang dituntut dan kos dibayar kepada Plaintiff atau peguamcaranya dalam tempoh lapan (8) hari selepas penyampaian writ ini (termasuklah hari penyampaian), prosiding seterusnya akan ditangguhkan, tetapi jika ternyata daripada pengindorsan pada writ itu bahawa Plaintiff adalah bermastautin di luar kawasan wilayah terjadual, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pertukaran Kawalan 1953, atau adalah bertindak mengikut perintah atau bagi pihak seorang yang bermastautin sedemikian, prosiding akan hanya ditangguhkan jika amaun yang dituntut dan kos dibayar ke dalam Mahkamah dalam masa yang tersebut itu dan notis pembayaran itu diberi kepada Plaintiff atau peguamcaranya.

(Jika Plaintiff mendakwa, atau Defendan didakwa, atas sifat wakil, hal ini mestilah dinyatakan dalam pengindorsan tuntutan itu)

WRIT SAMAN ini di failkhan oleh Tetuan Azam Aziz & Co, Peguambela & Peguamcara, No 43A-2-30 Jalan 3/48A, Bandar Baru Sentul, 51000 Kuala Lumpur